

Intrakota sedia beri kerjasama kepada pihak berkuasa

UM 29 JUN 2011

KUALA LUMPUR 28 Jun — Intrakota Komposit Sdn. Bhd. yang mendakwa mengalami kerugian berjuta-juta ringgit, bersedia untuk memberi kerjasama dengan pihak berkuasa bagi mengatasi masalah yang dihadapi olehnya dalam menyediakan perkhidmatan bas terbaik kepada penduduk Lembah Klang.

Bagaimanapun, syarikat berkenaan berkata, semua pihak yang terbabit dalam proses penyediaan sistem pengangkutan awam juga perlu melihat permasalahan itu secara menyeluruh, bukan hanya kepada cadangan menamatkan perkhidmatan di 16 laluan kerana isu berkenaan mesti diberi perhatian serius dengan segera.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, Intrakota berkata, pihaknya menghargai keprihatinan dan nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung perkhidmatan bas Intrakota.

"Kami akur bahawa Dr. Mahathir adalah perancang utama yang menyediakan visi perkhidmatan bas metropolitan yang canggih di negara ini ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

"Walau bagaimanapun, Intrakota tidak berupaya untuk mencapai hasrat itu memandangkan kerugian besar yang terpaksa ditanggung saban bulan dan tahun," kata kenyataan itu hari ini.

Operasi

Semalam, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji cadangan Intrakota untuk mengurangkan laluan bagi memastikan sama ada ia disebabkan oleh kekurangan penumpang seperti yang didakwa atau operasi yang tidak cekap.

Perdana Menteri berkata, cadangan Intrakota bagi menghentikan perkhidmatan di 16 laluan mulai 15 Julai ini mungkin berkait rapat dengan masalah kekurangan penumpang dan bukannya ketidakcekapan syarikat.

Pada Isnin lalu, Ketua Pegawai Eksekutif Intrakota, Zaibuddin Fathodin berkata, pihaknya mahu menamatkan perkhidmatan basnya di 16 laluan sekitar ibu negara yang disifatkan sebagai "sama sekali tidak menguntungkan" setelah mengalami kerugian lebih RM300 juta sejak beroperasi pada 1994.

Katanya, cadangan itu dibuat berikutan laluan tersebut kurang mendapat sambutan orang ramai.

Kata kenyataan Intrakota lagi, Perdana Menteri merupakan arkitek visi kerajaan dalam perkhidmatan bas metropolitan seperti yang terkandung dalam kajian separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Bagi mencapai visi tersebut, strategi kerajaan ialah menubuhkan hanya dua konsortium perkhidmatan bas bagi Bandar Raya Kuala Lumpur dan bandar-bandar pinggir.

Sehubungan itu kerajaan mengiktiraf Intrakota dan Park May sebagai dua buah konsortium untuk memenuhi strategi kerajaan itu.

Utusan difahamkan, masalah yang dihadapi oleh Intrakota adalah sangat kompleks dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan perlu melihatnya secara menyeluruh.

Kenyataan itu turut mendedahkan bahawa, bukan Intrakota sahaja yang mengalami kerugian dalam operasinya tetapi syarikat bas lain seperti Park May turut menghadapi nasib yang sama.